# 'Kita tidak selamat sehingga semua selamat' - Khairy

RM129 RM79 RM129 RM79

MyMetro (Https://Www.Hmetro.Com.My)

› Mutakhir (Https://Www.Hmetro.Com.My/Mutakhir)

**Share (https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/673818/kita-tidak-selamat-sehingga-semua-selamat-khairy)**

**Tweet (https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=%60Kita%20tidak%20selamat%20sehingga%20semua%20selamat%60%20-%20Khairy&tw_p=tweetbutton&url=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/673818/kita-tidak-selamat-sehingga-semua-selamat-khairy)**




FOTO HIASAN

**BERNAMA**

Kuala Lumpur: Malaysia hanya akan selamat daripada pandemik Covid-19 jika penduduk termasuk bukan warganegara yang menetap di negara ini sudah menerima vaksin, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, walaupun rakyat negara ini menerima vaksin kelak, namun ia tidak bermakna mereka selamat kerana Malaysia mempunyai kira-kira tiga juta warga asing yang berkemungkinan menyebabkan virus itu merebak dan menjangkiti penduduk Malaysia.

"Kerana itulah ini (pemberian vaksin percuma kepada bukan warganegara) perlu dilakukan kerana kita tidak selamat sehinggalah semua orang selamat. Dalam sains vaksin, jika dapat lebih ramai penerima vaksin, barulah kita selamat dan virus tidak menjangkiti orang lain. Oleh kerana itu, kita sasar 80 peratus penduduk untuk wujudkan imuniti kelompok dan membentuk antibodi yang cukup ramai sehingga virus tidak menjangkiti orang di negara ini.

"Kalau kita (warga tempatan) sahaja yang terima, kita sendiri tidak selamat kerana mungkin mereka (bukan warganegara) boleh menjangkiti kita atau virus masih boleh merebak dalam kalangan warga asing. Kerana itu pentingnya kita lindungi semua orang. Ini adalah keputusan tepat demi kemanusiaan," katanya.

Khairy, yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, berkata demikian dalam program Ruang Bicara terbitan Bernama News Channel malam tadi bertajuk 'Vaksin: Kendurkan Ketegangan dan Kerisauan terhadap Covid-19.'

Kerajaan semalam dilaporkan bersetuju Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, yang akan bermula pada akhir bulan Februari, bakal membabitkan pemberian vaksin secara percuma kepada bukan warganegara yang menetap di Malaysia.

Ini akan membabitkan semua golongan bukan warganegara yang menetap di Malaysia namun keutamaan pemberian vaksin Covid-19 adalah kepada warganegara terlebih dahulu selain maklumat dan jadual pemberian vaksin untuk warga asing akan diumumkan kelak.

Keputusan itu selepas mengambil kira persekitaran selamat serta bebas Covid-19 dalam negara hanya boleh dicapai apabila seramai mungkin penduduk diberikan vaksin dan pemberian vaksin dalam tempoh pandemik seperti mana sekarang adalah langkah berperikemanusiaan.

Khairy, yang ditemu bual dalam program itu menerusi Skype, turut menjelaskan pemberian vaksin percuma kepada bukan warganegara adalah pendirian kerajaan yang mengharapkan negara lain akan membuat keputusan timbal balik dan membantu rakyat Malaysia di negara mereka.

Beliau juga memperjelas dakwaan kononnya Malaysia menerima vaksin Covid-19 agak lewat berbanding negara maju lain serta negara jiran.

Menurutnya, ini kerana Malaysia lebih fokus kepada perancangan program imunisasi vaksinasi yang lebih cekap dan berkesan untuk dijalankan sepanjang tahun sebaik sahaja vaksin diterima akhir bulan ini.

# 'Kita tidak selamat sehingga semua selamat' - Khairy

Hmetro (Https://Www.Hmetro.Com.My)

› Mutakhir (Https://Www.Hmetro.Com.My/Mutakhir)

"Kita tidaklah lambat sangat seperti Australia, Korea Selatan dan Jepun yang masih mengkaji (vaksin yang sesuai). Saya suka mempercepatkan proses pembelian dan penghantaran dan selama ini mengikut perjanjian termeterai, kita akan terima pada Februari.

"Indonesia dapat awal iaitu vaksin Sinovac kerana mereka adalah tempat ujian, sudah tentu mereka didahulukan (pengeluar). Singapura membuat pelaburan dengan pengeluar vaksin Pfizer-BioNTech dan kerana itu, mereka mendapat keutamaan.

"Saya rasa (Malaysia) tidak terlewat sangat kerana kita tepati perjanjian. Apabila kita menerimanya (vaksin), kita akan dapat membuat program vaksinasi. Tidak guna ada vaksin yang banyak tetapi tidak dapat membuat suntikan berkesan. Ada negara yang program imunisasi agak lembab dan kita pula merancang untuk selesaikan semuanya dalam tempoh 12 bulan," katanya.

Dalam program kira-kira sejam malam ini, Khairy turut berkongsi rutin harian beliau yang sentiasa berhubung dengan pengeluar vaksin agar mematuhi jadual seperti di dalam kontrak bagi memastikan tiada sekatan dan penghantaran akan sampai tepat pada masanya.

Pada 8 Januari lalu, Khairy mengumumkan bahawa vaksin Pfizer-BioNTech berjaya didaftar oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) sekali gus memberi kelulusan bersyarat untuk penggunaan vaksin itu di negara ini.

Selain Malaysia, 49 negara turut memberi kelulusan terhadap vaksin tersebut malah sudah ada sebahagian daripada negara itu mula menggunakannya.

Untuk rekod, vaksin Pfizer itu vaksin Covid-19 yang pertama mendapat perakuan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk kegunaan kecemasan.

Dalam pada itu, Khairy turut menasihati rakyat agar tidak ragu-ragu dan bimbang mengenai tahap keselamatan vaksin yang telah dibeli kerana ia sudah disahkan bebas daripada sebarang bahan berkaitan haiwan.

**Share (https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/673818/kita-tidak-selamat-sehingga-semua-selamat-khairy)**

**Tweet (https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=%60Kita%20tidak%20selamat%20sehingga%20semua%20selamat%60%20-%20Khairy&tw_p=tweetbutton&url=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/673818/kita-tidak-selamat-sehingga-semua-selamat-khairy)**

- **Lagi berita berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan** (https://www.hmetro.com.my/perintahkawalanpergerakan)
- **Lagi berita berkaitan Covid-19** (https://www.hmetro.com.my/covid-19/index.html)

**Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 12 Februari 2021 @ 8:25 AM**

## Berita Berkaitan



(/utama/2021/02/673492/vaksin-covid-19-percuma-kepada-warga-asing-di-malaysia)

**...asing di Malaysia ...percuma-kepada-warga-asing-di-...**



(/mutakhir/2021/01/661811/pembelian-vaksin-ambil-kira-dos-kedua)

**Pembelian vaksin ambil kira dos kedua (/mutakhir/2021/01/661811/pembelian-...**



(/mutakhir/2021/02/673862/pm-penerima-pertama-suntikan-vaksin-covid-19)

**PM penerima pertama suntikan vaksin Covid-19 ...pertama-suntikan-vaksin-covid-19)**



(/utama/2021/02/672533/vaksin-setahun-untuk-negara-capai-imuniti-kelompok)

**Vaksin: Setahun untuk negara capai imuniti kelompok ...untuk-negara-capai-imuniti-...**



(/mutakhir/2020/11/646736/64-juta-rakyat-malaysia-bakal-terima-suntikan-vaksin-covid-19)

**...tikan vaksin Covid-19 ...-malaysia-bakal-terima-suntikan-...**





(/rencana/2020/12/652245/jangan-hanya-baca-tajuk)

**Jangan hanya baca tajuk! (/rencana/2020/12/652245/jangan-hanya-baca-tajuk)**



(/utama/2021/02/673933/pendaftaran-penerima-vaksin-covid-19-bermula-mac-khairy)

**Pendaftaran penerima vaksin Covid-19 bermula Mac - Khairy (/utama/2021/02/673933/pendaftaran-penerima-vaksin-covid-19-bermula-mac-khairy)**



(/mutakhir/2021/02/671630/malaysia-terima-vaksin-pfizer-biontech-seminggu-lebih-awal)

**Malaysia terima vaksin Pfizer-BioNTech seminggu lebih awal (/mutakhir/2021/02/671630/malaysia-terima-vaksin-pfizer-biontech-seminggu-lebih-awal)**

## Popular

**Disyorkan untuk anda**

Iklan oleh

# Kita tidak selamat sehingga semua selamat' - Khairy

MyMetro (Https://Www.Hmetro.Com.My)

› Mutakhir (Https://Www.Hmetro.Com.My/Mutakhir)

**Share**
**(https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/673818/kita-tidak-selamat-sehingga-semua-selamat-khairy)**

**Tweet**
**(https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=%60Kita%20tidak%20selamat%20sehingga%20semua%20selamat%60%20-%20Khairy&tw_p=tweetbutton&url=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/673818/kita-tidak-selamat-sehingga-semua-selamat-khairy)**



# 'Kita tidak selamat sehingga semua selamat' - Khairy



**Invest now $ 250 in Companies like Amazon and get a monthly income. Here's how to do it...**
Smart Invest
(https://tracking.trdunicorn.com/0cfe12fc-7cd0-4d89-a141-ce34a25e1743?adid=00733e475a4492f934ec4a563407c2919c&adtitle=Invest+now+%24+250+in+Companies+like+Amazon+and+get+a+monthly+income.+He&sourceid=$source_id$&ca



# 'Kita tidak selamat sehingga semua selamat' - Khairy



Share
(https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/673818/kita-tidak-selamat-sehingga-semua-selamat-khairy)

Tweet
(https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=%60Kita%20tidak%20selamat%20sehingga%20semua%20selamat%60%20-%20Khairy&tw_p=tweetbutton&url=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/673818/kita-tidak-selamat-sehingga-semua-selamat-khairy)



**Doctor: if You Have Tinnitus (Ear Ringing) Do This Immediately!**
discover-healthy-body.net
(https://creativepro.club/click.php?key=x1hrfrb1eeyl91pmddxb&ob_click_id=$ob_click_id$&publisher_name=$publisher_name$&ad_title=Doctor%3A+if+You+Have+Tinnitus+%28Ear+Ringing%29+Do+This-

## Mutakhir

- **Perintah berkurung ESSZONE dilanjutkan (/mutakhir/2021/02/674057/perintah-berkurung-esszone-dilanjutkan)**
- **Bawa minyak konon (/mutakhir/2021/02/674055/bawa-minyak-konon)**
- **Leipzig sedia berdepan Liverpool (/arena/bola-sepak/2021/02/674053/leipzig-sedia-berdepan-liverpool)**
- **'Terima kasih pendengar setia kami' (/rap/2021/02/674051/terima-kasih-pendengar-setia-kami)**
- **Rampas RM15.5 juta dadah, ketum di Kedah, Perlis (/mutakhir/2021/02/674049/rampas-rm155-juta-dadah-ketum-di-kedah-perlis)**
- **Lapan gajah liar dipindahkan (/mutakhir/2021/02/674045/lapan-gajah-liar-dipindahkan)**
- **Bertuah Lulu dapat harta AS$5 juta (/global/amerika-utara/2021/02/674041/bertuah-lulu-dapat-harta-as5-juta)**
- **Upamecano milik Bayern (/arena/bola-sepak/2021/02/674039/upamecano-milik-bayern)**
- **Uqasha Senrose, Kamal Adli 'road to halal' (/rap/2021/02/674037/uqasha-senrose-kamal-adli-road-halal)**
- **Rama-rama Idea Lynceus bakal pupus (/mutakhir/2021/02/674035/rama-rama-idea-lynceus-bakal-pupus)**
- **Azab anak panah melekat di kaki (/mutakhir/2021/02/674031/azab-anak-panah-melekat-di-kaki)**
- **Crespo jurulatih baru Sao Paulo (/arena/bola-sepak/2021/02/674029/crespo-jurulatih-baru-sao-paulo)**
- **Jumlah pengunjung TRZK melonjak pada 2020 (/mutakhir/2021/02/674027/jumlah-pengunjung-trzk-melonjak-pada-2020)**
- **Syarikat media sosial 'jangan tidur' - Rashford (/arena/bola-sepak/2021/02/674025/syarikat-media-sosial-jangan-tidur-rashford)**
- **Mahkamah bergerak hukum rakyat tidak pakai pelitup muka (/global/afrika/2021/02/674023/mahkamah-bergerak-hukum-rakyat-tidak-pakai-pelitup-muka)**

▪ **Lagi Berita (/muta**

# 'Kita tidak selamat sehingga semua selamat' - Khairy

MyMetro (Https://Www.Hmetro.Com.My)

› Mutakhir (Https://Www.Hmetro.Com.My/Mutakhir)

**Share**

**(https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/673818/kita-tidak-selamat-sehingga-semua-selamat-khairy)**

**Tweet**

**(https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=%60Kita%20tidak%20selamat%20sehingga%20semua%20selamat%60%20-%20Khairy&tw_p=tweetbutton&url=https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/02/673818/kita-tidak-selamat-sehingga-semua-selamat-khairy)**

## Info Grafik












▪ Lagi Info Grafik > (/infografik)

(/)

(https://www.facebook.com/harianmetro) (https://twitter.com/hmetromy) (http://instagram.com/hmetromy) (https://www.youtube.com/hmetromy)

(https://plus.google.com/communities/116855719367386087691)

(http://www.hmetro.com.my/RSS) (https://www.pinterest.com/hmetromy/)

© 2021 Harian Metro,
New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

**Hubungi Kami (/hubungi-kami)**
**Team myMetro (/sidang-pengarang-harian-metro)**
**RSS Feed (/RSS)**
**Disclaimer (/disclaimer)**
**Notis Perlindungan Data Peribadi (/privasi)**

**Berita** **Utama (/utama)** **Mutakhir (/mutakhir)** **Global (/global)** **Foto Pilihan (/foto)** **Info Grafik (/infografik)**
**Arena (/arena)** **Rap/Selebriti (/rap)** **Bisnes (/bisnes)** **MetroTV (/mymetrotv)**

**Langganan**

**HM ePaper (http://subscription.nstp.com.my/)**